

Analisis Kecenderungan Pelajar Terhadap Kediaman Luar Kampus

Analysis of Student Tendencies Towards Off-Campus Accomodation

Fatin Diyanah Hamdan¹, Azlina Md Yassin^{1*}, Haryati Shafii², Haidaliza Masram¹, & Mohd Yamani Yahya²

¹ Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, MALAYSIA

² Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, MALAYSIA

*Pengarang Utama: azlina@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2025.06.02.071>

Maklumat Artikel

Diserah: 30 September 2025

Diterima: 1 November 2025

Diterbitkan: 1 Disember 2025

Kata Kunci

Faktor, Kediaman luar kampus, Pelajar, Strategi

Abstrak

Dewasa ini, isu-isu berkaitan pelajar universiti menjadi semakin kritikal, dan tidak terkecuali isu-isu berkaitan rumah sewa atau penginapan luar kampus. Isu berkaitan kos sewa kediaman yang meningkat dan isu sosial pelajar kediaman luar kampus juga menjadi perkara yang perlu divberikan perhatian oleh masyarakat dan universiti khususnya. Hal ini boleh menjejaskan tahap kesejahteraan pelajar dan memberi impak negatif terhadap prestasi pelajar. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti cenderung untuk menyewa di luar kampus, dan mengkaji strategi yang boleh diambil bagi meningkatkan kecenderungan pelajar UTHM untuk menyewa di kediaman asrama pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif di sepanjang proses penyelidikan, dan skop kajian tertumpu kepada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang menyewa di luar kampus. Dapatan kajian adalah berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan kepada 100 responden yang merupakan pelajar luar kampus UTHM. data yang diperolehi seterusnya dianalisa menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan akses terhadap kemudahan menjadi faktor utama yang mendorong pelajar menyewa di luar kampus berbanding tinggal di asrama atau kolej kediaman. tambahan lagi, penilaian kualiti berterusan menjadi atara strategi yang boleh dilaksanakan oleh pihak pengurusan kolej kediaman bagi menarik minat pelajar tinggal didalam kampus. Diharapkan kajian ini akan menjadi penanda aras kepada kolej kediaman dalam kampus untuk menambahbaik fasiliti kediaman untuk kesejahteraan pelajar kolej.

Factors, of-campus accomodation, students, strategies

Nowadays, issues related to university students are becoming increasingly critical, and issues related to rented houses or off-campus accommodation are no exception. Issues related to the rising cost of housing and the social issues of students living off-campus are also matters that need to be given attention by society and universities in particular. This can affect the level of student well-being and have a negative impact on student performance. Therefore, this study aims to identify factors that influence university students to rent off-campus, and to study strategies that can be taken to increase the tendency of UTHM students to rent in student dormitories. This study uses quantitative methods throughout the research process, and the scope of the study focuses on Universiti Tun Hussein Onn Malaysia students who rent off-campus. The study findings are based on a questionnaire distributed to 100 respondents who are UTHM off-campus students. The data obtained was then analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS). The study findings show that access to facilities is the main factor that encourages students to rent off-campus compared to living in dormitories or residential colleges. In addition, continuous quality assessment is one of the strategies that can be implemented by the residential college management to attract students to live on campus. Hopefully, this study will serve as a benchmark for on-campus residential colleges to improve residential facilities for the comfort of college students.

1. Pendahuluan

Tahap pembelajaran dan pencapaian pelajar sememangnya boleh dipengaruhi daripada pelbagai faktor, dan salah-satunya adalah dengan tahap keselesaan pelajar semasa menuntut ilmu. Menurut Fraser (1998), persekitaran pembelajaran pelajar boleh mempengaruhi pencapaian dan sikap pelajar tersebut. Kawasan persekitaran yang sesuai dan selesa akan dapat meningkatkan lagi aktiviti intelektual seperti berkarya, belajar, dan melaksanakan aktiviti berkumpulan secara berkualiti.

Pada masa ini, isu-isu berkaitan mahasiswa/i semakin kritikal, dan melibatkan pelajar kolej kediaman dan kediaman luar kampus. Peluang yang diperolehi oleh pelajar-pelajar untuk tinggal menginap di kolej kediaman kadangkala tidak digunakan sepenuhnya bilamana ada dalam kalangan mereka gagal mencapai tahap graduan berkualiti. Fazurawati (2017), melaporkan di MyMetro bahawa pelajar yang tinggal di dalam kampus tidak dapat memasak, mempunyai batasan masa untuk pulang ke asrama dan tidak mempunyai banyak kemudahan yang boleh mereka gunakan seperti di luar kampus.

Pandangan yang lain pula menunjukkan peningkatan pengambilan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi telah menyebabkan berlaku kekangan kemudahan kediaman pelajar di dalam kampus (Muslim et al.,2018). Keadaan ini seterusnya menyebabkan aliran keluar pelajar kolej kediaman ke luar bagi mendapatkan fasiliti kediaman. Menurut Syahidatul (2021), pelajar yang menyewa di luar kampus akan dikategorikan sebagai penyewa persendirian. Menurut kajian Farihana et al., (2022), pelajar luar kampus perlu membayar kos bulanan seperti sewa rumah, bil utiliti, pengangkutan dan kos kehidupan harian. Keadaan ini menyumbang kepada beban kewangan yang tinggi yang boleh menjejaskan tahap kesejahteraan pelajar dan memberi impak negatif terhadap prestasi pelajar (Muslim et al.,2018). Nur Iftitah (2022), melaporkan melalui Sinar Harian bahawa pelajar terpaksa menyewa bersama dengan lapan orang rakannya sehinggakan terpaksa menjadikan ruang tamu sebagai bilik tidur. Hal ini, disebabkan oleh langkah penjimatan yang diambil oleh pelajar tersebut dan juga kerana rumah sewa sukar untuk didapati di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang memilih untuk tinggal di kediaman luar kampus bagi membolehkan mereka mengakses kepada kemudahan fasiliti luar, dan lebih privasi.

Ironinya, samada tinggal di kolej kediaman mahupun di kediaman luar kampus, isu-isu sebegini semakin kritikal dan boleh menjejaskan prestasi pembelajaran pelajar, dan seterusnya negara akan kehilangan sumber manusia berdayasaing pada masa akan datang. Tambahan lagi, perkara sebegini turut memberikan pandangan negatif kepada rakyat Malaysia terutamanya kepada ibu bapa yang akan melepaskan anak-anak mereka untuk menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti untuk menyewa kediaman di luar kampus serta mengkaji strategi yang boleh diambil oleh pihak penguurusan kolej kediaman. Bagi meningkatkan kecenderungan pelajar untuk menyewa di kolej kediaman atau asrama pelajar.

2. Kajian Literatur

2.1 Definisi Asrama

2.2 Fungsi Kolej Kediaman atau Asrama

Fungsi kolej kediaman adalah untuk menjaga kebajikan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan berdasarkan keperluan yang terbaik terhadap penghuni. Berdasarkan Mohd Tahir et al., (2011), terdapat beberapa fungsi asas kolej kediaman iaitu menyediakan perkhidmatan dan kemudahan penginapan, melindungi kualiti dan perkhidmatan makanan yang sedia ada dan menyediakan kemudahan tempat untuk belajar yang selesa.

Menurut Kassim (2012), bagi menjadi sebuah universiti yang sedang berkembang kearah universiti yang bertaraf dunia terdapat banyak faktor yang perlu diambil kira, antaranya antaranya adalah daripada aspek kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak universiti terhadap pelajar. Sebaliknya, Alwee et al. (2008b) mendakwa bahawa asrama, atau perumahan pelajar, adalah tempat pelajar tinggal, tidur, berehat, menyimpan alatan dan peralatan, dan memastikan barangan peribadi mereka selamat dan selesa di institusi pengajian tinggi seperti universiti.

Di Malaysia, kolej kediaman adalah tempat pelajar tinggal di kampus sepanjang masa mereka mendaftar dalam kelas di institusi pengajian tinggi. Penyediaan perkhidmatan dan kemudahan perumahan, penyelenggaraan berkala dan perkhidmatan makanan yang ditawarkan, dan akhir sekali penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah beberapa tugas asas kolej kediaman (Mohd Tahir et al., 2011).

2.3 Faktor yang Mempengaruhi Pelajar Tinggal di Luar Kolej Kediaman

Terdapat beberapa faktor yang mendorong pelajar di Institut Pengajian Tinggi cenderung untuk menyewa kediaman di luar kampus berbanding tinggal di kolej kediaman yang disediakan oleh universiti, antaranya:

2.3.1 Kebebasan / Privasi

Buyong dan Shafii (2016) menyatakan bahawa pelajar yang menyewa di luar kampus akan dapat menikmati kebebasan yang lebih banyak dalam menguruskan kehidupan harian mereka. Tambahan pula pelajar-pelajar yang menyewa di kediaman luar kampus ini tidak terikat dengan mana-mana peraturan yang ketat seperti di kolej atau asrama pelajar. Sebagai contoh, mereka tiada batasan waktu untuk pulang ke kediaman masing-masing dan tiada batasan bersosial.

2.3.2 Kos Rumah Sewa Lebih Rendah

Sesetengah pelajar memilih untuk menyewa di luar kolej kediaman kerana kos sewa rumah mungkin lebih rendah jika dibandingkan dengan kolej kediaman, lebih-lebih lagi kebanyakan pelajar yang menyewa di luar kolej kediaman akan berkongsi rumah dengan rakan-rakan mereka (Muhammad Hafizi, 2023).

2.3.2 Kos Sara Hidup Rendah

Kebanyakan pelajar yang menyewa di luar kampus, mereka lebih bebas untuk memasak dengan perkakas dapur yang lengkap. Hal ini membolehkan mereka memasak sendiri dan mengawal pemakanan harian mereka (Fazurawati, 2017). Kenyataan ini juga disokong oleh Muhammad Hafizi (2023), nilai sewaan di luar kolej mungkin pada awalnya kelihatan tinggi namun, pelajar sering kali dapat mengurangkan kos dengan berkongsi bayaran utiliti dan barang dapur.

2.3.3 Kesesakan dan persaingan

Menurut Fairus (2008), kepadatan di kolej kediaman pelajar menyebabkan pelajar-pelajar universiti cenderung untuk menyewa di luar. Bilangan pelajar yang diambil masuk semakin meningkat setiap semester memnyebabkan kolej kediaman pelajar tidak dapat menampung semua pelajar. Hal ini menunjukkan persaingan sangat sengit untuk mendapatkan tempat tinggal di dalam kolej. Hal ini juga mendorong pelajar untuk mencari alternatif lain mencari tempat tinggal (Norhaspida, 2025).

2.3.4 Kawasan Persekitaran

Kawasan persekitaran mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keputusan pelajar untuk menyewa di luar kampus, terutamanya keadaan fizikal kawasan dan termasuk dengan suasana persekitaran tersebut (Apidah, 2023). Kenyataan ini juga disokong oleh Buyong dan Shafii (2017), persekitaran yang bersih dan kondusif akan dapat meningkatkan dan memberi impak yang positif kepada proses pembelajaran pelajar tersebut.

2.3.5 Keselamatan

Di dalam penulisan Buyong dan Shafii (2017), menyatakan bahawa keselamatan di kolej kediaman sememangnya menawarkan tahap keselamatan yang baik namun, terdapat sesetengah pelajar lebih mersakan menyewa di kediaman luar kampus lebih selamat kerana mereka tinggal bersama dengan perkarangan yang mereka kenali. Hal ini juga membolehkan mereka berinteraksi dengan masyarakat setempat dan membina rangkaian sosial yang lebih luas.

2.3.6 Akses Terhadap Kemudahan

Pelajar yang menyewa di kediaman luar kampus akan mempunyai akses kemudahan lain yang lebih banyak seperti pusat membeli-belah, kafe, dan tempat hiburan yang tidak tersedia di dalam kampus. Ini akan memberikan mereka lebih banyak pilihan untuk bersosial dan menjalani kehidupan pelajar yang lebih aktif (Syahidatul, 2021).

2.4 Strategi bagi Mengalakkan Pelajar Tinggal di Kolej Kediaman atau Asrama

Antara strategi yang boleh dilaksanakan bagi mengalakkan pelajar menyewa di kolej kediaman atau asrama adalah sebagaimana di bawah:

2.4.1 Peningkatan kualiti pengurusan asrama

Pihak pengurusan asrama memainkan peranan yang sangat signifikan untuk memberikan pengalaman yang baik kepada pelajar yang tinggal di asrama. Dalam kajian Marziana et al. (2015), menunjukkan bahawa pengurusan asrama dan kolej kediaman yang baik seiring dengan penyediaan fasiliti yang lengkap dan selesa akan dapat meningkatkan kepuasan dan prestasi pelajar. Pihak pengurusan perlu memastikan bahawa mereka menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya terhadap penghuni asrama dan kolej kediaman pelajar (Lokman et al, 2008).

2.4.2 Mengadakan aktiviti sosial dan pendidikan

Aktiviti-aktiviti sosial dan pendidikan yang diadakan di kolej kediaman pelajar secara berkala dapat menarik minat pelajar untuk tinggal di asrama dan kolej kediaman pelajar. Menurut penulisan Foo (2020), aktiviti seperti bengkel, seminar, program sukan antara kolej dan program pengembangan jati diri dapat meningkatkan interaksi sosial dan selain itu aktiviti seperti ini dapat meningkatkan lagi tahap pelajaran pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa asrama atau kolej kediaman pelajar bukan sekadar tempat untuk berehat namun tempat untuk belajar dan berkembang (Safiah et al., 2012).

Membangunkan rasa komuniti dalam kalangan penghuni asrama merupakan elemen penting yang mampu meningkatkan pengalaman mereka secara keseluruhan. Dalam kajian Nurol Adila (2023), menggalakkan interaksi antara pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang budaya, etnik, dan sosioekonomi tidak hanya memperkaya pengalaman tinggal mereka tetapi juga memupuk pemahaman yang lebih mendalam serta toleransi antara satu sama lain. Dalam usaha untuk menyokong proses penyesuaian diri pelajar baharu, program seperti sistem mentor atau *buddy system* boleh diperkenalkan, di mana pelajar senior berperanan sebagai rakan pembimbing untuk memberikan sokongan moral, berkongsi pengalaman, serta membantu pelajar baharu menyesuaikan diri dengan persekitaran asrama dan universiti secara keseluruhannya.

2.4.3 Penambahbaikan fasiliti dan perkhidmatan

Kemudahan fasiliti seperti ruang belajar yang selesa, rangkaian internet yang pantas dan kawasan rekreasi perlu disediakan untuk menarik minat pelajar untuk tinggal di asrama atau di kolej kediaman pelajar. Dalam penulisan buku Foo (2020), menunjukkan bahawa kemudahan fasiliti yang baik dapat meningkatkan kecenderungan pelajar untuk tinggal di asrama dan kolej kediaman pelajar.

Meningkatkan kualiti fasiliti di kolej kediaman yang sedia ada, termasuk ruang belajar, pusat aktiviti, dan kemudahan rekreasi, merupakan langkah penting ke arah menyediakan persekitaran yang lebih kondusif untuk para pelajar. Usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan keselesaan dan kebolegunaan fasiliti, tetapi juga membantu mengurangkan kesesakan dengan memberikan pelajar lebih banyak pilihan ruang untuk menjalankan pelbagai aktiviti akademik, sosial, dan rekreasi. Dengan adanya kemudahan yang lebih baik, ia diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan pelajar serta memupuk suasana yang lebih seimbang antara aktiviti pembelajaran dan riadah di kolej kediaman (Muhammad Fadhil, 2012).

2.4.4 Promosi dan Kesedaran Tentang Manfaat Tinggal di Kolej Kediaman

Pihak universiti boleh meningkatkan kesedaran tentang manfaat tinggal di asrama atau kolej kediaman dengan promosi yang efektif dan berkesan. Promosi kesedaran ini boleh dilakukan dengan menggunakan pameran, sesi taklimat, atau di platform media sosial untuk menunjukkan kelebihan tinggal di asrama seperti kemudahan belajar, interaksi sosial antara pelajar lain dan sokongan akademik (UMPSA News, 2019).

2.4.5 Pembangunan Kolej Kediaman Baharu

Membangunkan kolej kediaman pelajar yang baharu untuk menampung sebilangan mahasiswa dan mahasiswi yang semakin meningkat saban hari. Menurut Raja Noraina (2017), pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengenalpasti universiti yang memerlukan jalan penyelesaian yang segera bagi menagani masalah penginapan dan berusaha untuk menambah bilangan penginapan di kolej kediaman sedia ada. Strategi yang dijalankan ini boleh dilaksanakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk mengurangkan kesesakan dan persaingan di kolej kediaman pelajar.

2.4.6 Penilaian Berterusan dan Maklum Balas Terhadap Kolej Kediaman Pelajar

Melaksanakan sistem maklum balas secara berterusan daripada pelajar yang tinggal di asrama mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan merupakan langkah yang amat penting untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan. Sistem ini bukan sahaja membolehkan pihak pengurusan mendapatkan pandangan langsung daripada pelajar mengenai kualiti perkhidmatan, tetapi juga memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keperluan serta cabaran yang dihadapi oleh penghuni. Maklum balas ini juga dapat dijadikan asas untuk membuat penyesuaian segera apabila diperlukan, sekaligus memastikan keperluan penghuni sentiasa dipenuhi dengan cara yang relevan dan responsif. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan asrama, tetapi juga mencerminkan komitmen pihak pengurusan dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan menyokong kesejahteraan penghuni secara keseluruhan (Lokman et al, 2008).

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah strategi sistematik untuk menyelesaikan masalah kajian dengan mengumpulkan data menggunakan pelbagai kaedah, menganalisis data, dan membuat kesimpulan dari data dalam penyelidikan. Pendekatan yang dipilih mestilah selari dengan objektif dan skop kajian yang telah dirangka lebih awal. Kajian ini mengadaptasi strategi penyelidikan Kuantitatif di sepanjang proses penyelidikan. Kaedah ini berupaya untuk memberikan hasil kajian yang valid dan reliabel melalui analisis data berangka, kebolehan untuk menguji hipotesis serta mengenal pasti corak dan tren secara objektif, dan membolehkan pemerolehan maklumat dalam masa yang lebih singkat untuk sampel yang besar.

3.1 Populasi dan Sampel

Menurut Kamarul (2015) populasi merujuk kepada kumpulan individu, institusi, peristiwa, tempat, dokumen dan lainnya. Maklumat tentang populasi kajian adalah penting kerana ia dapat membina kerangka sampel, menentukan bilangan sampel yang perlu diambil untuk mewakili sesuatu populasi dan menentukan teknik persampelan yang sesuai. Manakala pensampelan membawa konsep mengambil satu bahagian daripada populasi dan membuat cerapan terhadap kumpulan yang lebih kecil.

Dalam kajian ini populasi sasaran pengkaji merupakan pelajar Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang menyewa di rumah sewa. Saiz populasi di Universiti Tun Hussein Onn adalah seramai 23.5 ribu orang pada tahun 2024. Persempelan kajian adalah penting untuk menjayakan kajian ini kerana proses ini akan menentukan kebolehpercayaan dan kualiti hasil sesebuah penyelidikan. Persempelan didefinisikan sebagai proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Persempelan yang diperlukan dalam kajian ini adalah 100 orang pelajar daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Menurut Chua (2006b), sampel adalah sebahagian daripada elemen terhadap sesuatu populasi.

3.2 Pengumpulan Data

Bagi menjawab persoalan kajian yang telah direkabentuk di awal kajian, data primer dan data sekunder telah digunakan. Data primer merupakan kaedah pengumpulan data secara terus yang diperolehi oleh pengkaji daripada sumber-sumber yang telah dikenal pasti. Dalam kajian ini data primer diperolehi melalui kaedah pengedaran borang kaji selidik kepada responden sebanyak 100 pelajar UTHM yang menyewa di luar kampus. 100 borang soal selidik tersebut diagihkan kepada pelajar tanpa asrama secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi whatsapp. Sebagai tambahan, data sekunder turut digunakan sebagai sumber data kedua yang diperolehi melalui pembacaan seperti buku-buku rujukan, keratan akhbar, rencana, laman web internet dan buku-buku akademik.

3.3 Instrumen Pengumpulan Data – Borang Soal Selidik

Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang direkabentuk untuk mengumpul data kajian. Item soal selidik yang baik adalah ringkas, mudah dijawab, dan dapat menjawab kembali objektif kajian ini. Borang kaji selidik yang ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Bahagian A menjurus kepada latar belakang responden. Bahagian B menggunakan Skala Likert lima mata untuk mengukur pendapat responden mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar cenderung menyewa kediaman di luar kampus UTHM. Bahagian C memfokuskan kepada strategi yang digunakan oleh pihak pengurusan kolej kediaman atau asrama untuk menarik pelajar kekal menyewa di kolej kediaman. Borang soal selidik ini kemudiannya di sebarkan kepada responden secara atas talian melalui medium Whatsapp dan telegram. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan untuk membolehkan responden menjawab soala selidik, dan seterusnya bagi menyelesaikan permasalahan kajian.

3.4 Analisa Data

Semua data dan maklumat yang dikumpulkan melalui soal selidik dan semakan dokumen telah dianalisa bagi tujuan mendapatkan penyelesaian permasalahan kajian yang dikaji. Data terkumpul dianalisa dengan menggunakan perisian Statistical Package for science social (SPSS) dan juga Microsoft Excel. Dalam kaedah kuantitatif ini, ia meliputi 2 kaedah iaitu kaedah analisis statistik frekuensi dan kaedah analisis deskriptif. Melalui perisian SPSS, hasil analisis boleh didapati dalam bentuk graf dan carta dan memudahkan penulis mentafsir dan membuat kesimpulan kajian. Selain itu, maklumat yang dinyatakan dapat disampaikan dengan jelas dan memudahkan pembaca untuk memahaminya.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Kadar Tindak Balas Responden (*Response Rate*)

Daripada 100 borang soal selidik yang diedarkan kepada responden secara atas talian di medium Whatsapp dan Telegram, semua 100 orang responden telah berjaya mengisi soal selidik yang diberikan dan mengembalikannya kepada penyelidik. Peratusan responden yang telah menjawab soal selidik yang diedarkan adalah sebanyak 100%. Secara amnya, kadar respon melebihi 50% telah dianggap baik, manakala kadar di atas 70% dianggap hebat (Chua, 2012).

4.2 Latar Belakang Responden

Jadual 4.1 menunjukkan ringkasan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1 Latar Belakang Responden

KATEGORI	KEKERAPAN (n=60)	PERATUSAN (%)
Jantina:		
Lelaki	40	40
Perempuan	60	60
Bangsa:		
Melayu	59	59
Cina	19	19
India	15	51

Lain-lain	7	7
Fakulti:		
FPTP	31	31
FKEE	18	18
FPTV	15	15
FKMP	10	10
FKAAB	14	14
FSKTM	12	12
Tahun Pengajian:		
Sektor Kerajaan	9	9
Sektor Swasta	42	42
Badan Berkanun	9	9
Tahap perkahwinan:		
Tahun 1	4	4
Tahun 2	19	19
Tahun 3	33	33
Tahun 4	44	44

4.3 Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Menyewa Kediaman di Luar Kampus

Dalam bahagian ini, responden yang terdiri daripada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang memilih untuk menyewa kediaman di luar kampus telah memberikan maklum balas yang signifikan mengenai tahap persetujuan mereka terhadap pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut. Bahagian ini merangkumi tujuh item utama yang menjadi pendorong bagi pelajar UTHM untuk cenderung kepada penyewaan kediaman luar kampus. Tujuh item utama mengenai faktor-faktor yang menyebabkan pelajar UTHM cenderung untuk menyewa di kediaman luar kampus adalah kebebasan, kos rumah sewa yang rendah, kos sara hidup, kesesakkan dan persaingan, kawasan persekitaran, keselamatan dan akses terhadap kemudahan. Jadual 2 di bawah menunjukkan ringkasan faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menyewa di kediaman luar kampus.

Jadual 2 Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar untuk Menyewa Kediaman di Luar Kampus

FAKTOR	SKOR MIN
Akses terhadap kemudahan	4.38
Kawasan persekitaran	4.30
Kebebasan	4.25
Kesesakkan dan persaingan	4.20
Keselamatan	4.10
Kos sara hidup	3.95
Kos rumah sewa	3.90
Purata min skor	4.15

Note: 1 = sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju

Faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk menyewa di luar kampus dapat dirumuskan berdasarkan analisis dalam Jadual 2. Secara keseluruhan, majoriti responden memberikan kedudukan tinggi kepada semua faktor kecenderungan untuk menyewa di kediaman luar kampus, kecuali kos sara hidup dan kos sewa rumah yang menunjukkan kedudukan sederhana dengan skor min masing-masing adalah 3.95 dan 3.90. Akses terhadap Kemudahan mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.38, tergolong dalam kategori tinggi dan menduduki kedudukan pertama. Seterusnya, faktor

kawasan persekitaran mendapat kedudukan kedua (skor min = 4.30), juga dalam kategori tinggi. Faktor kebebasan berada di kedudukan ketiga dengan skor min 3.83, yang juga termasuk dalam kategori tinggi.

Dapatan kajian menunjukkan faktor akses terhadap kemudahan berada di tahap pertama menunjukkan bahawa pelajar cenderung untuk menyewa di luar kampus atas sebab kemudahan yang mudah untuk didapati. Hal ini disokong oleh Ali et al., (2009), menyatakan bahawa akses yang tinggi kepada kemudahan asas berfungsi sebagai penunjuk kesejahteraan material dan sosial, di mana masyarakat yang mempunyai akses lebih baik cenderung untuk mengalami peningkatan dalam taraf hidup dan kepuasan pelaburan berterusan dalam infrastruktur adalah kunci untuk mengekalkan dan meningkatkan tahap akses kepada kemudahan, seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Bagi faktor kos rumah sewa mendapat tempat terakhir daripada tujuh faktor lain. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar UTHM tidak semestinya menyewa di luar kampus akan mendapat nilai rumah sewa yang lebih murah. Pernyataan ini disokong oleh Syahidatul (2021), pelajar lebih mementingkan akses kepada kemudahan dan keselamatan berbanding hanya aspek kewangan, seperti yang dinyatakan dalam laporan yang menunjukkan bahawa kualiti hidup mereka terjejas oleh keputusan untuk menyewa rumah dengan harga tinggi di kawasan sekitar universiti. Ini menunjukkan bahawa walaupun kos sewa adalah faktor penting, ia tidak menjadi satu-satunya pertimbangan dalam membuat keputusan tempat tinggal, kerana aspek lain seperti kemudahan dan keselamatan memainkan peranan yang lebih besar dalam pilihan pelajar.

4.4 Mengenal Pasti Strategi Untuk Meningkatkan Kecenderungan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Untuk Tinggal di Asrama

Berdasarkan soal selidik yang diberikan kepada responden, terdapat beberapa strategi yang perlu diberikan perhatian dan ditambahbaik oleh pihak kolej kediaman dalam kampus, antaranya adalah:

Jadual 3 Strategi untuk Meningkatkan Kecenderungan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk Tinggal di Asrama

PETUNJUK	SKOR MIN
Penilaian berterusan dan maklum balas terhadap kolej kediaman pelajar	4.71
Peningkatan kualiti pengurusan asrama	4.69
Penambahbaikan fasiliti dan perkhidmatan	4.63
Promosi dan kesedaran tentang manfaat tinggal di kolej kediaman pelajar	4.44
Pembangunan kolej kediaman baharu	4.02
Mengadakan aktiviti sosial dan pendidikan	3.48
Purata min skor	4.32

Note: 1 = sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju

Jadual 3 menunjukkan beberapa strategi yang dicadangkan oleh responden kepada pihak pengurusan kolej atau asrama. Berdasarkan maklum balas responden, strategi 'penilaian berterusan dan maklum balas terhadap kolej kediaman pelajar' mencatatkan skor min tertinggi dengan nilai skor min 4.71. Seterusnya, peningkatan kualiti pengurusan asrama mendapat skor min 4.69, juga dalam kategori tinggi, berada di kedudukan kedua. Strategi 'penambahbaikan fasiliti dan perkhidmatan' menduduki tempat ketiga dengan skor min 4.63, diikuti oleh 'promosi dan kesedaran tentang manfaat tinggal di kolej kediaman pelajar' yang mencatat skor min 4.44 di kedudukan keempat. Pembangunan kolej kediaman baharu berada di kedudukan kelima dengan skor min 4.02, juga termasuk dalam kategori tinggi. Namun, strategi 'mengadakan aktiviti sosial dan pendidikan' mencatatkan skor min terendah iaitu 3.48, tergolong dalam kategori sederhana, dan berada di kedudukan keenam.

Strategi penilaian berterusan dan maklum balas terhadap kolej kediaman pelajar yang mencatatkan skor min tertinggi daripada tujuh strategi lain. Hal ini, menunjukkan bahawa pelajar sangat menghargai usaha pihak pengurusan dalam mendapatkan maklum balas dan melakukan penambahbaikan secara berterusan. Menurut kajian Mohd Tahir et al., (2005), penilaian yang sistematik terhadap peranan pengurusan kolej kediaman adalah penting untuk memastikan kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan selaras dengan keperluan pelajar. Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar memberikan maklum balas positif terhadap inisiatif pengurusan dalam meningkatkan pengalaman mereka di kolej kediaman, yang seterusnya meningkatkan kecenderungan mereka untuk memilih asrama tersebut sebagai tempat tinggal. Ini mencerminkan komitmen pengurusan dalam mendengar suara pelajar dan membuat penambahbaikan yang diperlukan, menjadikan kolej kediaman lebih menarik dan sesuai untuk pelajar.

Strategi mengadakan aktiviti sosial dan pendidikan mencatikan skor min yang paling rendah menandakan bahawa walaupun aktiviti ini penting untuk membentuk komuniti yang aktif dan menyokong perkembangan pelajar, ia mungkin dianggap kurang relevan berbanding keperluan asas seperti kualiti perkhidmatan dan fasiliti. Kajian oleh Zaitun et al., (2009) menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej kediaman dapat membantu dalam pembangunan peribadi dan sosial mereka, tetapi tahap penglibatan sering kali berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar menyedari manfaat aktiviti tersebut, mereka mungkin lebih mengutamakan aspek aspek lain yang lebih mendesak dalam kehidupan mereka, seperti keselesaan dan keselamatan tempat tinggal (Marziana et al., 2015). Oleh itu, strategi ini masih penting tetapi memerlukan pengoptimuman untuk menarik lebih ramai pelajar menyewa di asrama, seperti yang dinyatakan dalam garis panduan pengurusan kolej kediaman yang menekankan perlunya merancang aktiviti yang lebih menarik dan relevan bagi pelajar.

5. Kesimpulan

kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti cenderung untuk menyewa di luar kampus, dan mengkaji strategi yang boleh diambil bagi meningkatkan kecenderungan pelajar UTHM untuk menyewa di kediaman asrama pelajar. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa semua objektif penyelidikan telah berjaya dicapai melalui hasil analisis data yang diperolehi daripada soal selidik yang telah di isi oleh responden. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa faktor yang menyebabkan pelajar Universiti Tun Hussien Onn cenderung untuk menyewa di kediaman luar kampus telah dikenalpasti, dan strategi untuk meningkatkan kecenderungan pelajar Universiti Tun Hussien Onn untuk menyewa di asrama juga telah ditentukan. Akses kepada kemudahan dan fasiliti telah menjadi faktor paling dominan mempengaruhi kecenderungan pelajar Universiti Tun Hussein Onn menyewa di kediaman luar kampus. Manakalah strategi yang paling dipersetujui untuk meningkatkan minat pelajar Universiti Tun Hussein Onn menyewa di dalam kampus adalah strategi penilaian berterusan dan maklum balas terhadap kolej kediaman pelajar. Oleh itu, rumusan daripada kajian ini, diharapkan pihak yang terlibat dan bertanggungjawab dapat melaksanakan strategi ini untuk meningkatkan pelajar Universiti Tun Hussein Onn supaya lebih cenderung menyewa di kolej kediaman pelajar. Seterusnya dapat memelihara keselamatan dan kesejahteraan pelajar dengan lebih baik.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan serta Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberikan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsep dan reka bentuk kajian:** Fatin Diyanah Hamdan; Azlina Md Yassin; **pengumpulan data:** Fatin Diyanah Hamdan; Azlina Md Yassin, Haidaliza Masram; **analisis dan interpretasi hasil:** Fatin Diyanah Hamdan, Mohd Yamani Yahya; **penyediaan draf manuskrip:** Fatin Diyanah Hamdan, Azlina Md Yassin, Haryati Shafiii. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.*

Rujukan

- Ali, N., Jusof, K., Ali, S., Mokhtar, N., dan Salamat, A. S. A. (2009). The Factors Influencing Students' performance At Universiti Teknologi Mara Kedah, Malaysia. *Management Science and Engineering*, 3(4), 81-90.
- Apidah B. A. (2023). Hubungan Persekitaran Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam. SMK Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.
- Buyung, M. R., & Shafii, H. (2017). Konsep Kolej Kediaman Lestari: Kajian tahap keselesaan penghuni dan penyediaan kemudahan di kolej kediaman Universiti Awam Malaysia.

- Buyung, M. R. & Shafii, H. (2016). Kolej Kediaman Lestari: Kесеlesaian Bilik Penghuni Kolej Kediaman Tun Fatimah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Geografi*, 4(2), 46-53. Dicapai Pada Mac 1, 2017 <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=13210d00-0fe2-4210-8044-b5086b89e04c.pdf>.
- Chua, Y. P. (2012). Kaedah Penyelidikan (Edisi ke-4). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Fazurawati C, L. (2017). Di dalam lebih selamat, di luar lebih berdikari. Diakses pada 10 Mac 2025 di: <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/11/281066/di-dalam-lebih-selamat-di-luar-lebih-berdikari>.
- Fairus, M. D. (2008). Pengurusan Kemudahan Kediaman Pelajar Luar Kampus: Pengalaman UiTM Pulau Pinang. Universiti Teknologi MARA.
- Farihana, A. R., Mohd Azian, Z. dan Iza Faradiba, M. P. (2022). Persepsi Pelajar Non Resident (Nr) Berhubung Sewaan Kediaman Luar Kampus. *International Journal Of Law, Government And Communication*. Vol. (7)(30).
- Foo, J. (2020). Membaca Sepanjang Hayat (O. Valentine Eboy & H. Mohd Noor, Eds.) Membaca Sepanjang Hayat.
- Fraser, B.J. (1998). Classroom environment instruments: Development, validity and applications. *Learning Environment Research: An International Journal*, 1, 7-33.
- Ismail, K., Che Ngah, M. S. Y., Saleh, Y., Nayan, N., Hashim, M., & Ibrahim, S. N. (2015). Analisis Pemilihan Pemboleh Ubah dalam Proses Pembentukan Sistem Geodemografi: Selection Analysis of Variables to Produces Geodemography System. *GEOGRAFI*, Vol. 3 (1), pp. 1-15.
- Mohd Tahir, L, Mohd Yusof, S dan Mohd Nawi, S. (2009). Peranan Kolej Kediaman dalam Mewujudkan Budaya Pembelajaran Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. UTM, Skudai.
- Kassim, N. (2012). Tahap Kepuasan Pelajar Antarabangsa Terhadap Kemudahan dan Perkhidmatan yang Disediakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Lokman, M. T. (2008). Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman dalam Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia.
- Marziana, A. M., Haniza, O., Hasnuddin, A. R., & Azfi, Z. M. (2015). Kajian Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan dan Fasilitas di Fakulti Sains & Teknologi Maklumat, Kuis.
- Muhammad Fadhil, B. (2012). *Kolej kediaman sebagai keperluan semasa dalam meningkatkan kualiti kehidupan pelajar di UiTM Perak*. Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah, Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur, Universiti Teknologi Mara (Perak), Seri Iskandar.
- Muhammad Hafizi, Z., (2023). Tinggal pengajian akibat sewa rumah mahal?. Diakses pada 01 April di: <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/03/tinggal-pengajian-akibat-sewa-rumah-mahal/>
- Muslim, M. H., Abdul Karim, H., & Che Abdullah, I. (2018). Well-Being of UiTM Shah Alam Students Living in Off-Campus Environment. *Asian Journal of Environment Behaviour Studies*, 3(8), 221-228. <https://doi.org/10.21834/aje-bs.v3i8.293>
- Norhaspida, Y. (2025). Penjaga Bimbang, Dakwa Kolej Kediaman IPTA Uzur. Diakses pada 08 April 2025 di: <https://www.sinarharian.com.my/article/721719/edisi/terengganu/penjaga-bimbang-dakwa-kolej-kediaman-ipta-uzur>
- Nur Iftitah, R. (2022). Terpaksa Berhimpit Satu rumah. Di akses pada 15 Mei 2025 di: <https://www.sinarharian.com.my/article/222924/berita/nasional/terpaksa-berhimpit-satu-rumah>
- Nurol Adila, S. (2023). Kecenderungan Interaksi Sosial dalam Kalangan Pelajar Berbeza Kumpulan Etnik di Sekolah Menengah Terpilih di Betong, Sarawak. *GEOGRAFI*. Vol. 11 (2). UPSI. Diakses di: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/8619>
- Raja Noraina, R. R. (2017). Musa Kekal Naib Canselor USIM. MyMetro. Diakses pada 01 Jun 2025 di: <https://news.umpsa.edu.my/experts/kolej-kediaman-wadah-pembangunan-holistik-dan-pencetus-didikan-konsep-kendiri-mahasiswa>
- Safiah, N. A., Selamah, M. dan Norazlina, A. W. (2021). Tahap Kecenderungan Mahasiswa Menyertai Program Pembangunan Kerohanian. *Journal Of Social Science And Humanities*. Vol. 18. (1). Pp. 215-231. Di akses di: <https://journalarticle.ukm.my/16572/1/45808-147629-1-SM.pdf>
- Syahidatul, A. D., (2021). Portal Rumah Sewa Bantu Mahasiswa Penginapan Luar Kampus. Diakses pada 10 Mac 2025 di: <https://www.sinarharian.com.my/article/126839/berita/nasional/portal-rumah-sewa-bantu-mahasiswa-penginapan-luar-kampus>

- UMPSA News. (2019) . Kolej Kediaman Wadah Pembangunan Holistik Dan Pencetus Didikan Konsep Kendiri Mahasiswa. Diakses pada April 2025 di: <https://news.umpsa.edu.my/experts/kolej-kediaman-wadah-pembangunan-holistik-dan-pencetus-didikan-konsep-kendiri-mahasiswa>
- Zaiton, E., Fairus, M. D. dan Ramlah, A. R. (2009). Persepsi pelajar terhadap aktiviti di kolej: Benarkah Pelajar tidak berminat?. 1st Regional Residential Officers' Convention: Towards Students' HolisticDevelopment. 7 – 8 October 2009. Intekma Resort & Convention Center, Shah Alam. ISBN: 978-967-305-421-5 di akses di : [https://www.researchgate.net/publication/354202527 PERSEPSI PELAJAR TERHADAP AKTIVITI DI KOLEJ BENARKAH PELAJAR TIDAK BERMINAT#fullTextFileContent](https://www.researchgate.net/publication/354202527_PERSEPSI_PELAJAR_TERHADAP_AKTIVITI_DI_KOLEJ_BENARKAH_PELAJAR_TIDAK_BERMINAT#fullTextFileContent)